



BAB EMPAT

BAB KEEMPAT : PUNCA MASALAH AKHLAK REMAJA DI GUGUSAN FELDA ULU BELITONG

4.0 : Pendahuluan

Perbincangan di dalam bab ke tiga sebelum ini berkisar tentang masalah akhlak yang berlaku dikalangan remaja di sekitar gugusan FELDA Ulu Belitong Kluang, Johor. Ternyata menerusi dapatan kajian didapati beberapa masalah akhlak yang dilakukan oleh golongan remaja di sana dalam kekerapan yang tinggi seperti ponteng sekolah, berpoya-foya di bandar dan masalah lepak.

Dalam bab ini pula, penulis cuba meneliti faktor-faktor dan punca yang membawa kepada berlakunya masalah salahlaku akhlak di kalangan remaja di FELDA ini. Akhir sekali penulis cuba mengutarakan pendekatan dan metod penyelesaian yang mungkin sesuai diaplikasikan di FELDA ini.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam metodologi penyelidikan di dalam bab yang ketiga sebelum ini, penulis juga menggunakan metode yang hampir sama bagi menyempurnakan bab keempat ini iaitu metode wawancara, metode borang kajiselidik, metode observersi dan metode kajian perpustakaan. Metode wawancara digunakan untuk mendapatkan data daripada beberapa orang responden yang berkaitan seperti Pengurus FELDA, Pegawai Belia FELDA, guru-guru SMK Ulu Belitong, remaja yang bermasalah, pegawai polis di Pondok Polis Ulu Belitong dan beberapa orang ibu bapa.

Metode borang kaji-selidik pula lebih dikhurusukan untuk mendapatkan data daripada golongan remaja sebagai responden utama dalam kajian ini. Antara maklumat yang diperolehi melalui metode ini ialah berkaitan dengan punca-punca berlakunya masalah akhlak remaja di kawasan ini. Disamping itu, penulis juga melakukan beberapa observersi ke tempat-tempat penting yang berkaitan seperti rumah peneroka, tempat-tempat lepak remaja di bandar dan juga ke kafe siber untuk mendapatkan maklumat tambahan.

4.1 Punca Masalah Akhlak Di Gugusan FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor

4.1.1 Pengaruh Persekutaran Keluarga Yang Negatif

- a) Pengabaian Ibubapa Dari Sudut Kasih Sayang, Komunikasi dan Kurangnya Penekanan Agama Kepada Anak-Anak**

Kajian yang dilakukan oleh Prof. Chiam Heng Keng dan Fatimah Haron di lima buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur, Kelang dan Kajang menunjukkan bahawa tidak banyak terdapat komunikasi diantara golongan remaja dan ibu bapa mereka. Ramai remaja mengatakan mereka tidak suka berkongsi masalah dengan ibu bapa terutamanya yang bersifat peribadi. Komunikasi dengan ibu bapa lebih bersifat formal dan agak *rigid*.¹

Daripada kajian berdasarkan metode borang kaji-selidik di kawasan FELDA Ulu Belitong ini, penulis mendapati masalah yang sama berlaku. Pengabaian dari sudut kasih sayang dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara remaja dan

¹ Chiam Heng Keng, Fatimah Haron (1982), "Adolescents And His Family : Some Aspects of Their Relationships" *Laporan Persidangan Nasional Mengenai Kaum Remaja di Malaysia dari 2 hingga 5 Ogos 1982 bertempat di Universiti Malaya*, K.L: Utusan Publications Sdn. Bhd. h. 71

ibu bapa dikenalpasti sebagai punca utama berlakunya gejala sosial remaja di kawasan FELDA ini. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan berlakunya fenomena berkenaan.

Jadual 4.1 : Kekerapan ibu bapa bertanyakan masalah anak-anak

Jawapan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Selalu	13 orang (10.83 %)	19 orang (15.83 %)	32 orang	26.66 %
Kadang-kadang	30 orang (25.0 %)	35 orang (29.17 %)	65 orang	54.17 %
Tidak pernah	15 orang (12.5 %)	8 orang (6.67 %)	23 orang	19.17 %
JUMLAH	58 orang (48.33 %)	62 orang (51.67 %)	120 orang	100 %

Jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 65 orang atau 54.66 % daripada ibu bapa responden jarang bertanyakan masalah anak-anak remaja mereka. Malahan seramai 19.17% langsung tidak mengambil tahu perkembangan masalah anak-anak terutamanya bagi anak-anak remaja lelaki.

Menurut guru agama SMK Ulu Belitong, keadaan inilah sebenarnya yang menjadi punca utama berleluasannya gejala sosial remaja.. Para remaja dianggap sudah matang untuk berfikir dan dilepaskan bertindak mengikut kehendak hati mereka tanpa pengawasan dan pengawalan keluarga. Ditambah lagi dengan kesibukan ibu bapa yang bekerja dari pagi sampai ke petang menyebabkan masa untuk bersama anak-anak amat terhad. Bagaimanapun, tidak dinafikan ada juga segelintir antara ibu bapa remaja di FELDA ini yang prihatin dengan masalah

anak-anak mereka. Namun, jumlah mereka hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada jumlah responden yang ditemui.²

Menerusi temubual dengan tiga orang remaja perempuan dan dua orang remaja lelaki, tiga orang mengakui bahawa dalam seminggu boleh dikatakan hanya sekali-sekala sahaja mereka sempat bertegur sapa dengan ibu atau bapa mereka. Ini kerana bapa bekerja di ladang kelapa sawit dan ibu bekerja di kilang membuat sarung tangan di bandar Kota Tinggi. Bila mereka ke sekolah pada awal pagi, bapa belum bangun tidur manakala ibu sudah ke tempat kerja. Bila mereka balik waktu petang, bapa dan ibu belum balik ke rumah. Manakala pada waktu malam, masing-masing sudah kepenatan dan jarang sekali ibu atau ayah bertanyakan masalah peribadi mereka kecuali hal melibatkan kewangan sekolah sahaja³.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa di kawasan FELDA ini juga kurang memberikan penekanan terhadap pendidikan agama kepada anak-anak mereka. Ini boleh didapati daripada jawapan yang diberikan oleh responden terhadap soalan mengenai kekerapan solat berjemaah di dalam keluarga dan soalan mengenai kekerapan ibu bapa menyuruh mereka ke kelas-kelas ilmu agama. Sila rujuk jadual 4.2 dan 4.3 di sebelah.

² Temubual dengan Ustazah Khairussaadah Ramian, guru agama SMK Ulu Belitong, Kluang, Johor pada 23 September 2001

³ Temubual dengan dua orang remaja lelaki berumur 13 dan 16 tahun dan seorang remaja perempuan berumur 17 tahun di FELDA Ulu Belitong, pada 28 September 2001

Jadual 4.2 : Kekerapan solat berjemaah bersama keluarga

Jawapan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Selalu	15 orang (12.5 %)	13 orang (10.83 %)	28 orang	23.33 %
Kadang-kadang	32 orang (26.67 %)	40 orang (33.33 %)	72 orang	60.0 %
Tidak pernah	11 orang (9.17 %)	9 orang (7.5 %)	20 orang	16.67 %
JUMLAH	58 orang (48.33 %)	62 orang (51.67 %)	120 orang	100 %

Jadual 4.3 : Kekerapan ibu bapa menyuruh ke kelas-kelas pengajian agama

Jawapan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Selalu	22 orang (18.33 %)	23 orang (19.17 %)	45 orang	37.5 %
Kadang-kadang	24 orang (20.0 %)	29 orang (24.17 %)	53 orang	44.17 %
Tidak pernah	12 orang (10.0 %)	10 orang (8.33 %)	22 orang (12.0 %)	18.33 %
JUMLAH	58 orang (48.33 %)	62 orang (51.67 %)	120 orang	100 %

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa hanya 28 orang atau 23.33% sahaja yang menandakan jawapan selalu melaksanakan solat berjemaah di dalam keluarga. Daripada jumlah tersebut, remaja lelaki lebih kerap melakukan solat berjemaah bersama keluarga berbanding dengan remaja perempuan. Sebahagian besar menandakan jarang-jarang dan selebihnya tidak pernah melakukan solat berjemaah bersama keluarga. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa di sini kurang menekankan pendidikan asas agama terutamanya perkara yang paling ringan tetapi terpenting sekali iaitu solat berjemaah dalam keluarga.

Fakta tersebut disokong dengan jawapan yang diperolehi daripada jadual 4.3 yang menunjukkan perhatian ibu bapa terhadap pengisian rohani anak-anak dengan memberikan penekanan terhadap pengajian ilmu-ilmu agama. Seramai 72 orang (60.0 %) memberikan jawapan kadang-kadang sahaja ibu bapa mereka menyuruh ke kelas agama dan ada 16.67 % yang langsung tidak pernah menyuruh anak-anak mereka ke kelas agama. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa di kawasan ini merasakan bahawa pendidikan agama yang didapati oleh anak-anak mereka di sekolah sudah memadai.

Perkara ini diakui sendiri oleh guru agama di SMK Ulu Belitung bahawa apabila diadakan program-program yang berbentuk keagamaan dan seumpama dengannya, penglibatan pelajar adalah kurang kerana tiada penegasan daripada ibu bapa. Malahan, apabila diadakan solat hajat untuk PMR dan SPM, kehadiran ibu bapa juga kurang menggalakkan.⁴

b) Taraf ekonomi keluarga yang rendah

Hjh Umi Kalthum A. Karim (Pengarah Ehwal Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia), dalam kertas seminarnya melaporkan bahawa faktor kemiskinan merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kenakalan remaja dan mereka yang tercicir dari sekolah lebih cenderung melakukan kesalahan jenayah.⁵

⁴ Temubual dengan Ustazah Khairussaadah Ramian, guru agama di SMK Ulu Belitung, pada 23 September 2001

⁵ Umi Kalthum A. Karim (1994), "Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Permasalahan Remaja" dalam (Kertas Kerja Seminar remaja Masa Kini yang berlangsung pada 5-6 Ogos 1994 di Kuala Lumpur), h.8

Dapatan kajian mendapati bahawa di FELDA ini, faktor kemiskinan di atas juga memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan sahsiah remaja. Bagi kebanyakan keluarga di sini, tahap ekonomi mereka agak rendah kerana kebanyakan mereka hanya bergantung kepada hasil penjualan kelapa sawit semata-mata. Ditambah lagi dengan bilangan ahli keluarga yang ramai menyebabkan kedudukan dan kos kewangan menjadi agak sempit. Rata-rata golongan peneroka di sini, berpendapatan sekitar RM 300.00 hingga RM 800.00 sebulan. Bagaimanapun, pendapatan tersebut tidak tetap kerana ianya bergantung kepada harga pasaran kelapa sawit. Kadang-kadang apabila harga kelapa sawit menjunam jatuh, kebanyakan peneroka hanya memperolehi pendapatan sekitar RM 100.00 hingga RM 500.00 sahaja , malahan ada juga yang kurang daripada RM 100.00 sebulan. Keadaan pendapatan yang tidak menentu ini, menyebabkan ibu atau bapa terpaksa bekerja sambilan seperti kerja kilang, pembantu di kedai makan di bandar dan sebagainya pada sebelah malam untuk menambahkan pendapatan.⁶

Guru disiplin SMK Ulu Belitung pula menambah, ada juga remaja yang terpaksa bekerja kilang pada waktu malam untuk menampung pendapatan keluarga. Ini menyebabkan kadang-kadang mereka terpaksa ponteng sekolah pada waktu siang hari kerana terlalu penat, dan ada yang langsung tidak ke sekolah kerana tidak mampu menjelaskan yuran persekolahan. Ini menambahkan lagi masalah disiplin terutamanya gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar di sini.⁷

⁶ Temubual dengan Encik Omar Sahad, pengurus FELDA Ulu Belitung, pada 27 September 2001

⁷ Temubual dengan Ustaz Abdul Rashid Shahmin, guru disiplin SMK Ulu Belitung, pada 25 Sept. 2001

Bagaimanapun ada juga keluarga di sini yang agak berada kerana mempunyai sumber pendapatan lain seperti bermiaga kedai runcit dan hasil kerja kilang. Kadang-kadang jurang perbezaan bentuk rumah dan perabut serta peralatan elektrik serta perkakasan lain yang agak ketara dengan jiran sebelah menyebabkan mereka berlumba-lumba bekerja mencari duit untuk menyenangkan keluarga. Ini juga merupakan satu faktor mengapa ibu atau bapa ada yang menyuruh anak remaja mereka bekerja kilang pada waktu malam ataupun bermiaga *burger* dan sebagainya untuk mendapatkan kewangan tambahan.⁸

c) Taraf Pendidikan Ibu bapa yang Rendah

Di Barat, kajian yang dilakukan oleh Pierce dan Bowman pada tahun 1960 menunjukkan bahawa pendidikan amat penting dalam meninggikan taraf hidup dan moral masyarakat. Ini kerana pendidikan ibu bapa amat memainkan peranan dalam pembentukan anak-anak. Ibu bapa yang lebih tinggi taraf pendidikannya lebih memberikan perhatian kepada anak-anak dalam segala aspek terutamanya dari sudut pendidikan berbanding ibu bapa yang rendah pendidikannya.⁹

Berdasarkan rumusan daripada borang kaji selidik, penyelidik mendapati 60 peratus daripada pelajar yang bermasalah mempunyai ibu atau bapa yang hanya bersekolah sehingga darjah enam sahaja. Manakala 40 peratus lagi datang daripada ibu atau bapa yang bersekolah sehingga tingkatan tiga. Ini menunjukkan bahawa sememangnya tahap pendidikan ibu atau bapa sedikit sebanyak akan

⁸ Temubual dengan seorang ibu berumur 43 tahun di FELDA Ulu Belitong, pada 27 Sept. 2001

⁹ Pierce J. Bowman, P. (1990), "Motivation Patterns of Superior High School Student" dalam The Gifted Student, Cooperative Research Monograph. No. 2, Washington D.C : U.S Department of Health, Education, and Welfare, Office of Education. Lihat sama Ira J. Jordon (1975), *op.cit.* h. 356

mempengaruhi tingkahlaku anak-anak sama ada dari sudut perlakuan ataupun pencapaian akademik mereka.

Bukti lain didapati daripada temubual dengan beberapa orang ibu bapa dan remaja. Ternyata, bahawa taraf dan tahap pendidikan ibu bapa yang agak rendah sememangnya ada kaitan dalam menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja di kawasan ini. Pendidikan tersebut meliputi tahap pendidikan formal dan juga pendidikan dan pengetahuan keibubapaan. Bagi pendidikan formal kebanyakan ibubapa di sini hanya bersekolah di sekitar peringkat SRP dan darjah 6 sahaja. Paling tinggi tahap pendidikan mereka ialah sehingga SPM.¹⁰

Menurut salah seorang ibu kepada tiga orang remaja yang berumur antara 10 hingga 19 tahun di FELDA ini, beliau mengatakan ada diantara ibu bapa yang lebih suka anak mereka yang agak malas dan lembap belajar bersekolah sehingga tingkatan tiga atau lima sahaja kemudian bekerja kilang atau kerja-kerja lain. Ini kerana pada pendapat mereka, belajar menghabiskan wang, tetapi bekerja boleh menambah kewangan keluarga. Galakan daripada ibu bapa inilah yang banyak mendorong anak-anak remaja di sini bekerja pada tahap umur yang masih mentah. Kebebasan yang didapati pada usia yang amat muda menyebabkan mereka mudah terikut-ikut dengan perlakuan rakan-rakan di tempat kerja dari sudut gaya berpakaian, sikap dan perlakuan meniru orang dewasa untuk berpasangan dan sebagainya.¹¹

¹⁰ Temubual dengan Encik Omar Sahad, Pengurus FELDA Ulu Belitung, pada 25 September 2001

¹¹ Temubual dengan seorang wanita berusia 47 tahun yang merupakan penduduk tetap di FELDA Ulu Belitung pada 25 September 2001

Dari sudut pengetahuan keibubapaan dan psikologi pula, rata-rata golongan ibu bapa di sini kurang memberikan penekanan kepada pengetahuan tersebut. Justeru, ada yang bersifat pilih kasih kepada anak-anak mereka. Daripada temubual dengan tiga orang remaja perempuan, dua orang daripada mereka mengakui bahawa sikap ibu bapa¹² yang lebih mementingkan adik-adik mereka menyebabkan mereka merasa terabai dan terpinggir. Ini mendorong mereka mencari kasih yang baru daripada pasangan hidup (lelaki atau perempuan) sebagai pengganti dan keluar berhibur di luar rumah untuk mendapatkan ketenangan dan keseronokan. Keadaan inilah yang mendorong mereka lebih rapat dengan rakan berbanding keluarga sendiri.¹²

d) Contoh Negatif Daripada Ibu bapa dan Keluarga

Ibu bapa dan ahli keluarga merupakan cerminan dan gambaran awal yang akan dicetak dan dipahat di dalam gambaran perlakuan anak-anak. Justeru, peribahasa Melayu - bapa borek anak rintik dan bagaimana acuan, begitulah kuihnya mungkin perlu diberikan perhatian oleh generasi ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Apabila berlaku sesuatu kesalahan, para ibu bapa tidak boleh meletakkan seratus peratus kesalahan kepada anak-anak, tetapi perlulah juga diselidik kesalahan diri sendiri.

Begitulah antara pengakuan yang diberikan oleh sebahagian daripada responden yang diwawancara oleh penyelidik di FELDA ini. Ada diantara mereka yang mengaku bahawa gambaran negatif yang dilihat dan diterima oleh mereka

¹² Temubual dengan tiga orang remaja berumur 14, 17 dan 19 tahun di FELDA Ulu Belitung pada 25 September 2001

daripada perlakuan ibu bapa mereka, mendorong mereka terikut mencuba perlakuan yang sama. Seorang remaja lelaki yang berusia 16 tahun mengakui beliau sering melihat bapanya berjudi dan membeli nombor ekor sebagai langkah senang untuk mendapatkan wang yang banyak. Malah ada juga bapa rakan-rakannya yang pulang dalam keadaan yang mabuk selepas minum arak. Beliau juga mengakui bahawa pernah berjudi bersama rakan-rakannya kerana berpendapat perkara tersebut adalah biasa kerana bapa mereka juga berbuat demikian.¹³ Gejala inilah yang menjadi titik permulaan pertama bagi mereka untuk mencuba perkara yang sama setelah umur mereka mula menginjak awal remaja.

Daripada tinjauan secara observersi di FELDA berkenaan penulis mendapati terdapat beberapa buah warung kopi yang menjadi tempat lepak dan berkumpulnya golongan bapa dan remaja di dalam gugusan FELDA berkenaan pada waktu lapang terutamanya waktu petang dan malam. Hasil observersi penulis mendapati pada waktu-waktu tersebut ada beberapa orang bapa dan juga remaja sedang bermain dam dan ada juga yang bermain daun terup dengan pertaruhan wang sebagai judi. Ini bermakna judi sudah menjadi kebiasaan yang sukar dikikis dalam masyarakat FELDA ini. Malah ada juga warung yang menawarkan khidmat menjual nombor ekor secara sembunyi-sembunyi.

Ada juga remaja yang terikut dengan perlakuan negatif ahli keluarga yang lebih dewasa seperti abang dan kakak mereka, malahan bapa saudara atau ibu saudara yang tinggal serumah. Hasil wawancara pengkaji dengan dua orang responden,

¹³ Temubual dengan remaja lelaki berumur 16 tahun di FELDA Ulu Belitong pada 26 Sept. 2001

mendapati mereka terikut menonton filem lucah apabila terlihat abang dan bapa saudara mereka melihat filem lucah tersebut bersama rakan-rakan di rumah semasa ketiadaan ibubapa. Perlakuan tersebut pada awalnya dibuat secara sembunyi-sembunyi seorang diri semasa beliau berada dalam tahun enam dan seterusnya beliau mengajak kawan-kawan sebaya sama-sama menonton video tersebut semasa beliau di tingkatan satu. Malah, kini perlakuan menonton video dan filem lucah tersebut dirasakan sebagai satu kemestian yang akan dilakukan bersama kawan-kawannya sebanyak tiga hingga empat kali dalam satu minggu¹⁴.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian di atas, didapati bahawa sememangnya terdapat jurang perbezaan pendapat yang ketara diantara golongan remaja dan ibu bapa mereka. Keadaan pengabaian kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak remaja menimbulkan perasaan tidak senang hati dikalangan remaja. Komunikasi yang terlalu kurang diantara ibu bapa dan anak-anak muda juga menyebabkan kongkongan perasaan yang dialami tidak dapat disuarakan. Ini menyebabkan remaja memendam perasaan tersebut yang akhirnya mungkin akan diluahkan melalui tindakan-tindakan yang diluar kawalan mereka.

Ditambah lagi dengan keadaan persekitaran ekonomi keluarga yang agak rendah dan pengaruh kemewahan dan modenisasi yang terdapat di bandar yang berdekatan menyebabkan suasana gejala sosial remaja di sini meningkat. Malahan contoh negatif yang dilihat daripada ibu bapa dan ahli keluarga seperti berjudi, nombor ekor dan menonton filem lucah sejak kecil lagi menyebabkan mereka

¹⁴ Temubual dengan remaja lelaki berumur 14 tahun di FELDA Ulu Belitung, pada 27 Sept 2001

sudah terbiasa dengan perkara buruk lalu menganggap bahawa perkara tersebut adalah satu kebiasaan.

4.1.2 Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi dan akhlak remaja. Begitu juga dengan golongan remaja di kawasan FELDA Ulu Belitong ini. Faktor persekitaran kawasan FELDA di mana keadaan rumah yang agak rapat di antara satu sama lain, ditambah lagi dengan kesibukan ibu bapa serta keluarga menyebabkan sebahagian besar masa mereka banyak dihabiskan bersama dengan rakan-rakan sebaya. Justeru, pengaruh rakan sebaya di kawasan ini banyak menyumbang kepada pembentukan akhlak dan kendiri remaja di kawasan ini. Keadaan ini boleh dikesan melalui jawapan remaja terhadap dua soalan yang diutarakan kepada responden melalui borang kaji selidik. Soalan tersebut ialah kepada siapa remaja suka meluahkan perasaan mereka melalui jadual 4.4 dan soalan siapakah yang paling banyak mempengaruhi remaja dalam membuat sebarang keputusan melalui jadual 4.5 di bawah.

Jadual 4.4: Kepada siapa remaja suka meluahkan masalah mereka.

Jawapan / Individu	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Ibu bapa	8 org (6.84 %)	11 org (9.40 %)	19 org	16.24 %
Adik beradik	7 org (5.98 %)	15 org (12.82 %)	22 org	18.80 %
Saudara mara	-	-	-	-
Rakan-rakan sebaya	24 org (20.51 %)	18 org (15.38 %)	42 org	35.89 %
Kakak/ abang / adik angkat	8 org (6.84 %)	6 org (5.13 %)	14 org	11.97 %
Guru sekolah	2 org (1.71 %)	3 org (2.56 %)	5 org	4.27 %

Kaunselor	-	-	-	-
Teman istimewa / kekasih	7 org (5.98 %)	8 org (6.84 %)	15 org	12.82 %
Jiran / Masyarakat sekitar	-	-	-	-

Jadual 4.5 : Individu yang paling banyak mempengaruhi responden dalam membuat keputusan

Jawapan / Individu	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Ibu bapa	11 org (9.4 %)	19 org (15.38 %)	30 org	25.64 %
Adik beradik	9 org (7.69 %)	9 org (7.69 %)	18 org	15.38 %
Saudara mara	1 org (0.85 %)	1 org (0.85 %)	2 org	1.71 %
Rakan-rakan sebaya	22 org (18.80 %)	15 org (12.82 %)	37 org	31.62 %
Kakak/ abang / adik angkat	4 org (3.42 %)	4 org (3.42 %)	8 org	6.84 %
Guru sekolah	-	3 org (2.56 %)	3org	2.56 %
Kaunselor	-	-	-	-
Teman istimewa / kekasih	10 org (8.55 %)	8 org (6.84 %)	18 org	15.38 %
Jiran / Masyarakat sekitar	-	1 org (0.85 %)	1 org	0.85 %

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar daripada responden yang ditemui iaitu sebanyak 35.89% menandakan bahawa mereka lebih suka mengadu masalah mereka kepada rakan sebaya. Malah bagi soalan individu yang paling banyak mempengaruhi remaja dalam membuat keputusan juga mendapat 31.62% menandakan rakan sebaya. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah golongan remaja di sini berbanding dengan ibu bapa dan adik beradik serta keluarga remaja sendiri.

Menurut guru agama SMK Ulu Belitong, kebanyakan remaja di sini terutamanya remaja perempuan mempunyai *group* atau *klik* kumpulan masing-masing. Malahan penampilan setiap *group* diperlihatkan dengan gaya rambut ataupun pemakaian yang hampir sama oleh setiap ahli kumpulan. Kebanyakan mereka suka berkumpul dan keluar ke bandar bersama-sama.¹⁵

Dua orang remaja perempuan yang temubual mengakui bahawa mereka amat rapat dengan rakan sebaya berbanding ibu bapa kerana kesibukan ibu bapa bekerja dan peluang untuk berkomunikasi dengan mereka amat terhad. Malah jurang perbezaan umur yang ketara menyebabkan remaja merasakan bahawa ibu bapa tidak akan memahami perasaan dan masalah mereka terutamanya yang melibatkan peribadi, rakan sebaya ataupun hal pelajaran.¹⁶

Ada juga remaja yang mengkui terlibat dalam satu-satu kumpulan menyebabkan mereka merasa diterima dalam masyarakat. Rasa kebersamaan mengurangkan kesepian dan kesunyian dalam diri mereka. Wujudnya kumpulan rakan sebaya menyebabkan mereka merasa tidak tersisih. Ditambah lagi dengan suasana perumahan kawasan FELDA yang agak rapat rumah mereka menyebabkan mereka merasa amat perlu kepada kumpulan rakan sebaya untuk keselesaan dan memperolehi penghargaan.¹⁷

¹⁵ Temubual dengan Ustazah Khairussadah Ramian, guru agama di SMK Ulu Belitong, Kluang, Johor pada 23 September 2001.

¹⁶ Temubual dengan remaja perempuan berumur 13 dan 14 tahun di FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor pada 25 September 2001.

¹⁷ Temubual dengan seorang remaja perempuan berumur 16 tahun di FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor pada 25 September 2001.

Bagi remaja lelaki pula, mereka tidak menunjukkan identiti kumpulan tertentu melalui pakaian ataupun fesyen rambut sebagaimana remaja perempuan. Bagaimanapun, mereka boleh dikenali cara *slanga* percakapan yang tertentu. Ada kumpulan yang menggunakan perkataan ‘gue’ bagi ganti nama saya dan ‘lu’ bagi ganti nama awak.¹⁸ Cara lain untuk mengenali sesetengah kumpulan bagi remaja lelaki ialah melalui tempat berkumpul mereka di dalam kawasan sekolah pada waktu pagi sebelum waktu persekolahan ataupun pada waktu rehat dan waktu pulang dari sekolah. Manakala pada waktu petang pula, biasanya mereka akan mengadakan aktiviti bersama-sama sama ada berkumpul sambil menghisap rokok di tempat menunggu bas di dalam kawasan FELDA ataupun melepak sama ada di tangga dan kaki lima pasar raya atau di perhentian bas di bandar.¹⁹

Kesimpulannya, bagi kebanyakan remaja di FELDA ini pada usia remaja pengaruh rakan sebaya lebih dominan berbanding ibu bapa. Ini kerana wujudnya masalah dalaman antara mereka seperti kekurangan kasih sayang, kurang perhatian dan kurangnya komunikasi yang berkesan. Justeru, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan agar masalah ini boleh di atasi .

4.1.3 Pengaruh Media Massa Yang Negatif

Media massa merupakan sumber inspirasi utama yang mempengaruhi penampilan dan gaya remaja selain daripada rakan sebaya. Sikap remaja yang suka meniru dan

¹⁸ Temubual dengan Ustazah Khairussadah Ramian, guru agama SMK Ulu Belitong pada 23 Sept. 2001

¹⁹ Temubual dengan Ust. Abd. Rashid Shahmin, guru disiplin SMK Ulu Belitong pada 29 Sept. 2001

mencuba sesuatu yang baru menyebabkan mereka mudah terikut-ikut dengan apa yang mereka tontoni dan apa yang mereka baca.²⁰

Bagi remaja yang terdapat di FELDA Ulu Belitung ini, media massa seperti media cetak dan media elektronik merupakan perkara yang wajib diikuti oleh mereka. Perkembangan fesyen dan gaya serta stail hidup remaja, perkembangan teknologi maklumat dan perkembangan isu semasa melalui medium televisyen, majalah-majalah, internet dan sebagainya perlu diikuti oleh remaja pada masa sekarang. Justeru, tidak hairanlah bila diajukan soalan berkenaan dengan majalah, akhbar dan siaran tv yang mereka minati, semua responden menjawab persoalan tersebut.

Jawapan mereka adalah seperti yang tertera di dalam jadual 4.6 di bawah :

Jadual 4.6 : Susunan majalah yang menjadi pilihan utama remaja

Jenis Majalah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Akademik – D. Masyarakat, Kosmik, D. Siswa , dll	4 org (3.33 %)	9 org (7.5 %)	13 org	10.83 %
Politik & semasa – Massa, Dunia Islam dll	-	-	-	-
Keagamaan – Al-Islam, Muslimah, dll	-	1 org (0.83 %)	1 org	0.83 %
Misteri – Mastika, Variasari, Pesona dll	5 org (4.17 %)	3 org (2.5 %)	8 org	6.67 %
Fesyen – Remaja, Wanita, Perempuan dll	5 org (4.17 %)	22 org (18.33 %)	27 org	22.5 %
Komik – Ujang, Perwira, Satria , dll	23 org (19.17%)	7 org (5.83 %)	30 org	25.0 %
Masakan & Hiasan rumah – Saji, Nona, Anjung Seri, dll	-	4 org (3.33 %)	4 org	3.33 %
Hiburan – URTV, Mangga, Varia Pop, dll	18 org (15.0 %)	16 org (13.33 %)	34 org	28.33 %
Teknologi Maklumat & IT – PC, PC Magazines, dll	1 org (0.83 %)	-	1 org	0.83 %
Sukan – Lumba kereta / motor dll	2 org (1.67 %)	-	2 org	1.67
JUMLAH	58 org (48.33%)	62 org (51.67 %)	120 org	100 %

²⁰ Rahmah Hashim (1996), *Media dan Keluarga*. Petaling Jaya : ABIM, h. 30

Kajian di atas menunjukkan bahawa majalah – majalah yang menjadi pilihan dan minat utama responden ialah jenis majalah ringan dan santai seperti majalah hiburan, komik dan majalah fesyen terkini. Majalah hiburan seperti URTV, Varia Pop, Mangga, dan sebagainya menjadi pilihan utama. Peratusannya adalah sebanyak 28.33% atau sejumlah 33 orang daripada keseluruhan responden. Ini diikuti rapat dengan majalah komik seperti Ujang, Perwira, Satria dan sebagainya sebanyak 30 orang atau 25 % dan majalah perkembangan fesyen seperti majalah remaja, dan rias sebanyak 22.5%

Rata-rata responden menyatakan alasan mengapa mereka memilih majalah hiburan dan komik serta perkembangan fesyen sebagai pilihan utama kerana ianya sesuai dengan jiwa remaja yang inginkan keseronokan dan kerehatan minda. Malah menurut mereka majalah tersebut menghiburkan, menenangkan fikiran dan menyeronokkan.²¹ Ada juga yang memberikan alasan agar tidak ketinggalan berbanding rakan-rakan remaja yang lain dari sudut pengetahuan mengenai artis kesayangan mereka dan fesyen remaja terkini.²² Bagi seorang lagi remaja perempuan berumur 17 tahun, majalah fesyen perlu diikuti untuk membentuk imej dan penampilan diri agar sentiasa kelihatan cantik dan *ranggi* dikalangan teman-teman sebaya mereka.²³

Menurut guru disiplin SMK Ulu Belitung, walaupun majalah-majalah sedemikian diharamkan dari dibawa ke sekolah, namun setiap kali diadakan *sport check*, berpuluhan-puluhan buah majalah sedemikian akan dirampas. Ini bermakna walaupun

²¹ Temubual dengan remaja lelaki berumur 14 tahun di FELDA Ulu Belitung, pada 26 Sept. 2001

²² Temubual dengan remaja perempuan berumur 16 tahun di FELDA Ulu Belitung pada 27 Sept. 2001

²³ Temubual dengan remaja perempuan berumur 17 tahun di FELDA Ulu Belitung, pada 27 September 2001

pelbagai tindakan dan amaran diberikan, namun ada juga remaja yang membawa dan bertukar-tukar majalah berkenaan dengan rakan-rakan mereka di sekolah.²⁴

Daripada tinjauan penulis ke rumah beberapa orang peneroka di sini, didapati bahawa semua rumah mereka ada majalah hiburan seperti URTV, Varia Pop dan Mangga serta pelbagai jenis komik. Boleh dikatakan memiliki majalah sedemikian adalah satu *trend* bagi golongan peneroka di kawasan ini. Justeru, tidak hairanlah jika anak-anak remaja di sini sentiasa berlumba-lumba mengikuti perkembangan artis dan fesyen semasa.

Bagi jenis-jenis akhbar pula, akhbar METRO menjadi pilihan utama sebanyak 40%, diikuti dengan Utusan Malaysia sebanyak 30% dan Berita Harian sebanyak 25%. Hanya lima% sahaja mendapatkan New Strait Times / Sunday Mail sebagai akhbar pilihan. Kebanyakan responden memilih Harian Metro sebagai pilihan utama kerana akhbar tersebut agak ringan bahan bacaannya dan banyak menyelitkankan isu perkembangan artis terkini serta menonjolkan berita-berita misteri yang tidak terdapat dalam akhbar yang lain. Sila rujuk jadual 4.7 di sebelah:-

²⁴ Temubual dengan Ustaz Abd. Rashid Shahmin, guru disiplin SMK Ulu Belitung, pada 29 September 2001

Jadual 4.7 : Akhbar-akhbar yang menjadi pilihan remaja

Jenis Akhbar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Berita Harian	14 org (11.67%)	16 org (13.33 %)	30 org	25.0 %
Utusan Malaysia	13 org (10.83 %)	23 org (19.17 %)	36 org	30.0 %
Harian Metro	20 org (16.67%)	28 org (23.33 %)	48 org	40.0 %
New Strait Times / Sunday Mail	1 org (0.83 %)	5 org (4.17 %)	6 org	5.0 %
JUMLAH	58 org (48.33%)	62 org (51.67 %)	120 org	100 %

Antara rancangan televisyen, atau video dan filem yang menjadi pilihan remaja pula adalah seperti jadual 4.8 di bawah :

Jadual 4.8 : Rancangan TV, video dan filem yang digemari oleh responden

Bentuk Rancangan TV / video	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Berbentuk keagamaan	1 org (0.83%)	5 org (4.17%)	6 org	5.0 %
Berunsur aksi dan ganas	15 org (12.5%)	13 org (10.83%)	28 org	23.33 %
Filem cinta dan seks	11 org (9.17 %)	19 org (15.83 %)	30 org	25.0 %
Perbincangan ilmiah & forum	-	1 org (0.83%)	1 org	0.83 %
Komedи dan jenaka	5 org (4.17%)	3 org (2.50%)	8 org	6.67%
Muzik dan hiburan	14 org (11.67%)	10 org (8.33 %)	24 org	20.0 %
Rancangan kartun	10 org (8.33 %)	9 org (7.50 %)	19 org	15.83 %
Dokumentari	-	1 org (0.83 %)	1 org	0.83 %
Sukan	2 org (1.67%)	1 org (0.83 %)	3 org	2.50 %
JUMLAH	58 org (48.33%)	62 org (51.67 %)	120 org	100 %

Kajian di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden remaja di kawasan ini lebih mengemari rancangan yang berunsur percintaan dan seks dengan peratusan

sebanyak 25%. Daripada jumlah tersebut, kebanyakan mereka adalah terdiri daripada remaja perempuan. Hasil temubual dengan seorang remaja perempuan berumur 17 tahun, beliau mengakui, filem-filem sedemikian membuatkan mereka merasa bahawa hidup ini penuh dengan kasih sayang dan cinta. Ini amat bersesuaian dengan jiwa mereka yang sedang dalam perubahan dan inginkan penerokaan alam baru iaitu dunia percintaan.²⁵ Filem-filem berunsur aksi dan ganas pula menjadi pilihan kedua sebanyak 23.33% diikuti dengan rancangan hiburan dan muzik sebanyak 20%.

Menurut seorang guru di SMK Ulu Belitong, bukan hanya golongan remaja di sini yang meminati rancangan-rancangan sedemikian, malahan ibu bapa mereka juga berebut-rebut untuk mengikutinya. Ini terbukti apabila filem-filem baru yang berunsur percintaan dan aksi serta ganas ditayangkan di panggung wayang Bandar Kluang atau Kota Tinggi , pasti pada hujung minggu panggung akan penuh kerana ramai ibu bapa yang mengambil kesempatan untuk menonton filem tersebut.²⁶

Seorang lagi guru di SMK Ulu Belitong, menambah bahawa filem-filem lucu juga sebenarnya biasa ditonton oleh golongan remaja, malah ibu bapa mereka. Ini kerana kadang-kadang mereka mendapat siaran tersebut secara percuma menerusi siaran TV Singapura yang boleh diikuti dengan jelas di kawasan berkenaan. Biasanya rancangan sedemikian boleh diikuti selepas jam 12 malam pada malam-malam tertentu, biasanya pada hujung minggu.²⁷

²⁵ Temubual dengan seorang remaja perempuan berumur 17 tahun di FELDA Ulu Belitong, Kluang pada 27 September 2001

²⁶ Temubual dengan seorang guru perempuan SMK Ulu Belitong, pada 27 Sept. 2001

²⁷ Ibid

VCD dan DVD bagi filem-filem percintaan, seks, lucah aksi ganas dan hiburan juga mudah didapati daripada pasaran gelap sama ada di dalam kawasan FELDA berkenaan ataupun di Bandar Kluang dan Kota Tinggi. Ada juga yang memperolehinya daripada rakan-rakan mereka yang bekerja di Singapura. Kebanyakannya adalah VCD dan DVD cetak rompak yang dijual dengan harga yang murah.²⁸

Jelasnya, ramai golongan remaja di kawasan ini gemar mengikuti perkembangan dunia hiburan, fesyen terkini dan menonton filem-filem yang berunsurkan keseronokan, percintaan dan aksi ganas. Bagi mereka kebanyakannya media seperti di atas boleh memberikan keseronokan dan melapangkan fikiran mereka kerana ia bersifat santai dan tidak membebankan fikiran. Malah ianya bersesuaian dengan jiwa remaja yang inginkan keseronokan dan hiburan. Media seperti majalah keagamaan, politik dan rancangan-rancangan TV yang bersifat ilmiah kurang mendapat sambutan kerana ianya dirasakan memberatkan fikiran dan agak statik serta tidak menghiburkan.

4.1.4 Ketidakpedulian Masyarakat Sekitar

Temubual dengan beberapa orang ibu bapa remaja menunjukkan bahawa sikap masyarakat di gugusan FELDA ini turut menyumbang kepada berlakunya masalah akhlak remaja di kawasan ini. Oleh kerana sibuk dengan urusan di ladang

²⁸ Temubual dengan Korporal Adnan, Pegawai Polis di Pondok Polis kawasan FELDA Ulu Belitong pada 27 Sept. 2001

atau kerja-kerja di kilang menyebabkan ramai ibu bapa di kawasan ini lebih bersikap keakuan dan kurang mengambil kisah tentang jiran sebelah.²⁹

Seorang lagi wanita mengakui bahawa walaupun ada yang terdengar tentang masalah akhlak anak jiran mereka, tetapi kebanyakannya lebih suka mengata-ngata di belakang dan tidak menegur kesalahan tersebut secara berdepan ataupun memberitahu ibu bapa remaja terbabit. Ini menyebabkan remaja yang bermašalah merasakan perbuatan mereka betul kerana tiada teguran daripada masyarakat sekitar.³⁰

Menurut ustazah di SMK Ulu Belitung, kebanyakan jiran tidak mahu menegur perbuatan anak jiran mereka untuk mengelakkan perbalahan antara mereka. Ini kerana kebanyakan ibu bapa di sini agak pentingkan perlumbaan dalam mencari wang berbanding urusan dan semangat kejiranan. Lagi pun, ada yang berpendapat mereka tidak mahu menjaga tepi kain orang lain.³¹

Bagaimanapun menurut ketua RELA di kawasan ini, selalu juga diadakan gotong-royong untuk kenduri, membersihkan kawasan FELDA dan aktiviti-aktiviti lain yang bersifat kejiranan untuk merapatkan hubungan antara mereka. Tetapi mungkin disebabkan atas alasan menjaga air muka jiran, maka perbuatan anak remaja tidak ditegur secara terang-terangan dan *direct*.³²

²⁹ Temubual dengan seorang ibu berumur 43 tahun di FELDA Ulu Belitung, pada 27 Sept 2001

³⁰ Temubual dengan wanita berumur 54 tahun di FELDA Ulu Belitung, pada 28 Sept. 2001

³¹ Temubual dengan Ustazah Khairussadah Ramian Di FELDA Ulu Belitung pada 27 Sept. 2001

³² Temubual dengan Encik Abd. Ghani, ketua RELA di FELDA Ulu Belitung pada 28 Sept. 2001

Kesimpulannya, masyarakat di sekitar sebagai jiran tetangga memainkan peranan penting dalam membentuk dan menegur kesalahan anak-anak remaja. Ini kerana kebanyakan remaja banyak mengambil dan menerima sikap baik dan buruk berdasarkan penerimaan masyarakat sekitar mereka. Ketidaaan teguran daripada masyarakat menyebabkan remaja menganggap bahawa perlakuan mereka dianggap tidak salah di mata masyarakat mereka. Ini membuatkan mereka terus melakukan kesalahan tanpa menyedari bahawa perbuatan mereka salah di sisi agama dan norma budaya masyarakat Melayu.

4.2.5 Pengaruh Persekolahan Yang Kurang Memberangsangkan

Sekolah boleh diibaratkan sebagai rumah kedua kepada pelajar dalam membentuk sikap dan keperibadian mereka. Ini kerana sebahagian besar daripada masa anak-anak banyak dihabiskan di sekolah berbanding tempat-tempat lain.³³

Sikap para guru, iklim pembelajaran dan suasana bilik darjah serta aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah menjadi antara faktor penyumbang kepada pembinaan akhlak dan keperibadian seseorang individu remaja.

a) Sikap negatif pihak guru

Borhan bin Othman, pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya dalam kajiannya yang bertajuk “Hubungkait Tingkahlaku Guru dan Pengetua Dengan Kawalan Disiplin di Sekolah” mendapati tingkahlaku guru yang negatif menjadi

³³ Noraini Ahmad (1995), *op.cit.*, h 31.

salah satu punca wujudnya masalah disiplin pelajar. Tindakan guru yang lambat memasuki kelas atau tidak hadir tanpa sebab menyebabkan pelajar membuat bising dan bergaduh sesama mereka.³⁴

Kajian menerusi borang kaji selidik menunjukkan bahawa 45% daripada responden mengakui bahawa guru memainkan peranan dalam membentuk akhlak remaja di sekolah. Manakala terdapat 2.56% responden mengakui bahawa guru berperanan mempengaruhi mereka dalam membuat sesuatu keputusan. Ini menunjukkan bahawa sikap guru di sekolah amat penting untuk djaga kerana guru antara idola yang akan mempengaruhi remaja.

Temubual dengan seorang remaja lelaki menunjukkan bahawa sikap guru yang tidak bersemangat mengajar, mengajar secara sambil lewa dan ada guru yang bersikap pilih kasih dalam kelas menyebabkan pelajar malas dan bosan mengikuti pelajaran berkenaan.³⁵

Menurut guru disiplin SMK Ulu Belitung, ada juga guru yang tidak menunjukkan teladan yang baik seperti merokok di kawasan sekolah dan kurang bersemangat mengajar serta tidak kreatif dalam menyampaikan pembelajaran menyebabkan pelajar kurang berminat mengikuti pelajaran. Malah ada yang ponteng sekolah kerana alasan tersebut.³⁶ Menurut beliau lagi, ada juga guru yang bersikap tidak ambil kisah dengan masalah akhlak pelajar menyebabkan pengawalan masalah disiplin sekolah kurang berkesan.

³⁴ Borhan bin Othman (1988), "Hubungkait Tingkahlaku Guru dan Pengetua Dengan Kawalan Disiplin di Sekolah" (Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya), h. 179

³⁵ Temubual dengan remaja lelaki berumur 14 tahun di FELDA Ulu Belitung pada 25 Sept. 2001

³⁶ Temubual dengan Ustaz Abd. Rashid Shamin, guru disiplin SMK Ulu Belitung pada 24 Sept 2001

Ringkasnya, sikap dan perlakuan guru di sekolah turut menyumbang kepada berlakunya masalah akhlak remaja. Justeru, guru seharusnya mempamerkan teladan yang baik dari segala sudut sama ada dari sudut akhlak dan perlakuan, pakaian, semangat dalam pelajaran dan sebagainya kerana mereka adalah idola remaja semasa di sekolah.

b) Suasana bilik darjah dan iklim pembelajaran yang tidak memberangsangkan.

Suasana bilik darjah juga memainkan peranan dalam memupuk semangat cintakan sekolah dan pelajaran dikalangan pelajar. Bilik darjah yang suram, muram dan tidak ceria mengurangkan minat pelajar ke sekolah. Justeru, keceriaan perlu diwujudkan untuk membangkitkan semangat pelajar untuk belajar.

Jumlah pelajar dalam satu-satu kelas juga amat penting dalam menentukan kualiti penerimaan pelajar terhadap sesuatu pelajaran. Jumlah pelajar yang agak ramai dalam satu-satu kelas akan menyebabkan guru sukar mengendalikan kelas tersebut terutamanya kelas yang agak bermasalah dan rendah pencapaian akademik pelajarnya.³⁷

Bagaimanapun, fenomena di atas kurang menjadi penyebab kepada berlakunya gejala salahlaku pelajar di kawasan ini. Ini kerana menurut guru disiplin di SMK Ulu Belitung, kebanyakan bilik darjah di sini agak ceria kerana setiap minggu diadakan pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas. Justeru, kebanyakan

³⁷ Mohd Amin H.A. Shariff (1998), *op.cit* h. 65-67

pelajar berlumba-lumba menceriakan kelas mereka.³⁸ Begitu juga dengan jumlah pelajar dalam satu-satu kelas. Kebanyakan kelas agak seimbang kerana jumlah yang paling banyak pelajar ialah seramai 35 orang . Justeru, tidaklah menjadi kesukaran untuk guru mengawal sesuatu kelas.

Begaimanapun, dari sudut iklim pembelajaran, mungkin menjadi penyebab kepada gejala ponteng sekolah dikalangan pelajar di sini. Sikap guru yang tidak kreatif dan inovatif dalam menyampaikan pelajaran menyebabkan pelajar merasakan pelajaran yang susah menjadi bertambah sukar. Contohnya pelajaran sains, matematik dan sejarah yang memerlukan pelajar mengingati fakta yang banyak. Ini diakui oleh seorang remaja yang berumur 18 tahun dalam temubual bersama beliau. Menurutnya, ada guru yang setiap kali masuk ke kelas, hanya membacakan fakta, menulis di papan hitam dan kemudiannya menyuruh pelajar membuat latihan tanpa memberikan penerangan yang boleh menimbulkan minat pelajar. Ini menyebabkan pelajar bosan mengikuti pelajaran tersebut.³⁹

Jelasnya, suasana persekolahan yang tidak kondusif boleh menjadi penyumbang kepada berlakunya salahlaku akhlak pelajar terutamanya masalah tidak membuat kerja rumah, bising dalam kelas, gejala ponteng sekolah, lepak dan vandalisme.

c) Kekurangan kegiatan ko-kurikulum di sekolah

Kegiatan ko-kurikulum dan aktiviti sukan serta latihan-latihan tertentu memberikan manfaat yang besar kepada para remaja. Melalui aktiviti ko-

³⁸ Temubual dengan Ustaz Abd. Rashid Shahmin, guru disiplin SMK Ulu Belitong, pada 25 Sept. 2001

³⁹ Temubual dengan remaja perempuan berumur 18 tahun di SMK Ulu Belitong, pada 28 Sept. 2001

kurikulum yang teratur dan berkesan akan melahirkan pelajar yang berdisiplin, bersemangat serta mempunyai pendedahan terhadap sikap kepimpinan dan nilai tanggungjawab berpasukan, tanggungjawab terhadap diri sendiri dan sebagainya. Malahan melalui kegiatan dan aktiviti di sekolah akan memberikan ruang kepada pelajar memenuhi masa yang terluang dengan kegiatan yang berfaedah kepada diri mereka.⁴⁰

Ketiadaan dan kekurangan aktiviti sekolah juga menyebabkan remaja tidak ada sesuatu yang bermanfaat bagi mengisi masa lapang mereka. Ini memberikan peluang kepada mereka untuk terlibat dalam gejala yang tidak sihat.

Menurut seorang guru wanita di SMK Ulu Belitong, kegiatan ko-kurikulum bukan menjadi faktor utama dalam meningkatnya gejala salahlaku akhlak pelajar di kawasan ini. Ini kerana pihak sekolah telah mewajibkan pihak pelajar terlibat dalam setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah. Antaranya ialah pasukan beruniform seperti persatuan pengakap, persatuan pandu puteri, persatuan puteri Islam, kadet bomba dan juga kelab pencegahan jenayah di peringkat sekolah. Selain itu, pelajar juga diwajibkan untuk menyertai kelab-kelab dan kegiatan sukan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Aktiviti-aktiviti berkenaan diadakan setiap minggu. Justeru, boleh dikatakan bahawa masa lapang pelajar sebenarnya penuh jika mereka benar-benar memanfaatkan aktiviti berkenaan.⁴¹

Guru Disiplin SMK Ulu Belitong menambah bahawa, selain daripada kegiatan persatuan dan aktiviti ko-kurikulum wajib, pihak sekolah juga menganjurkan

⁴⁰ Mohd Amin H.A. Shariff (1998), *op.cit*, h. 65-67

⁴¹ Temubual dengan guru wanita berumur 27 tahun di SMK Ulu Belitong pada 29 September 2001

banyak pertandingan seperti pertandingan penulisan dan sastera, pertandingan sains dan pertandingan yang berbentuk keagamaan untuk menarik minat pelajar ke arah akademik dan mengasah bakat dan minat mereka dalam sesuatu bidang. Bagaimanapun, hanya sebahagian sahaja pelajar yang berminat dan menyertai kegiatan tersebut. Ini bermakna, sambutan diperingkat pelajar sendiri yang kurang. Pelbagai alasan dikemukakan apabila disoal tentang ketidakhadiran mereka dalam aktiviti yang dilakukan. Antara alasan tersebut ialah kerana mereka perlu bekerja pada waktu petang bagi menampung kewangan keluarga, terpaksa menjaga adik dan bermacam alasan lagi.⁴²

Daripada temubual dengan seorang remaja perempuan pula, beliau mengatakan bahawa memang banyak aktyiviti yang dianjurkan tetapi penumpuan guru lebih kepada pelajar yang aktif dan menonjol dalam sesuatu bidang sahaja. Justeru, mereka yang kurang menyerlah tidak akan terlibat dalam kegiatan berkenaan.⁴³

Menurut Pegawai Belia FELDA, pihak pengurusan Persatuan Belia FELDA juga ada menganjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan sukan, program motivasi dan jati diri, kursus-kursus memasak dan lain-lain. Tujuannya ialah untuk menarik minat golongan remaja dan belia yang sudah bekerja dan masih menganggur terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sebagai latihan berpersatuan. Sambutan remaja dan belia agak baik namun, penglibatan mereka adalah tidak menyeluruh. Ini kerana kebanyakan aktiviti dihadiri oleh orang yang sama sahaja.⁴⁴

⁴² Temubual dengan Ust. Abd. Rashid Shahmin, guru disiplin SMK Ulu Belitong pada 25 September 2001

⁴³ Temubual dengan remaja perempuan berumur 18 tahun di FELDA Ulu Belitong, pada 27 September 2001

⁴⁴ Temubual dengan Encik Riduan, Pegawai Belia di FELDA Ulu Belitong pada 29 Sept. 2001

Kesimpulannya, walaupun banyak aktiviti ko-kurikulum dan program-program motivasi dianjurkan oleh pelbagai pihak namun, sambutan yang diberikan oleh golongan remaja tidak menggalakkan. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh ekonomi dan desakan hidup serta kurangnya motivasi diri dan dorongan ibu bapa, keluarga ataupun guru untuk melibatkan diri dalam kegiatan berkenaan. Justeru, pihak pengajar perlu mempergiatkan lagi usaha menarik minat remaja menyertai kegiatan dan aktiviti berkenaan.

4.3 Pendekatan Pembangunan Akhlak Yang Sesuai Diaplikasikan Kepada Remaja

Daripada kajian terhadap punca dan faktor masalah akhlak remaja di gugusan FELDA Ulu Belitung ini, penulis cuba mencari alternatif pendekatan yang mungkin sesuai diaplikasikan di sini. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan melalui teladan yang baik, nasihat yang berguna, galakan, latihan yang berterusan dan hukuman.

4.3.1 Pendekatan Melalui Teladan Yang baik.

Pendekatan melalui teladan untuk membangunkan akhlak merupakan pendekatan terpenting yang disebut dalam al-Qur'an dan al-Hadith untuk diberikan penekanan. Malah pengutusan Rasulullah s.a.w sendiri adalah untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada seluruh umat manusia.

Remaja sangat cenderung untuk meniru orang yang menjadi idolanya sama ada dari sudut percakapan, tingkahlaku ataupun dari sudut pakaian dan sebagainya. Justeru, metode teladan bukan sahaja selari dengan jiwa manusia malah golongan remaja yang berada dalam peringkat mencari dan membentuk identiti diri.

Pendekatan melalui teladan yang disarankan oleh al-Qur'an meliputi teladan dari sudut ibadat dan perilaku. Sekiranya ibu bapa atau guru hanya menekankan salah satu aspek sahaja,maka akhlak remaja tersebut tidak akan terbentuk sesempurna yang dikehendaki oleh al-Quran.

Kesimpulannya, remaja boleh membentuk akhlak yang baik seperti menghormati ibu bapa, bersifat jujur dan amanah dan sebagainya apabila ibu bapa atau guru mempamerkan sifat tersebut. Ibu bapa yang misalnya tidak sembahyang tetapi menyuruh anak-anak mereka sembahyang, maka anak-anak tersebut berkecenderungan untuk tidak melakukan suruhan tersebut. Ringkasnya, ibu bapa atau guru perlu terlebih dahulu bersedia untuk berubah dan menjadi teladan yang baik kepada anak-anak sebelum menyuruh mereka berubah.

4..3.2 : Pendekatan Melalui Nasihat Yang Baik.

Pendekatan melalui nasihat yang baik juga merupakan antara pendekatan yang disarankan oleh al-Quran dan al-hadith. Kajian yang dilakukan oleh Feldhusen, Thurston dan Benning tentang pelajar yang bermasalah menunjukkan bahawa mereka mempunyai latar belakang ibu bapa yang bermasalah, tidak ada

hubungan mesra dengan anak-anak dan tidak memberikan perhatian kepada mereka sama ada menegur atau menasihati mereka.⁴⁵

Antara kaedah penyampaian nasihat yang boleh diaplikasikan ialah melalui cerita-cerita teladan, perumpamaan, gurauan dan nasihat dengan kadar yang sederhana. Ini kerana remaja tidak suka dileteri dan dimarahi. Bagaimanapun, pendekatan ini perlu dilakukan secara berterusan . Ini bertepatan dengan saranan Allah S.W.T dalam al-Qur'an surah al-Dhariyat ayat 55 ;



وَذِكْرٌ فِيْ إِلَيْكُمْ تَنَفَّعُ الْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya : Berilah peringatan (nasihat), kerana nasihat itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.

(surah al-Dhariyat : 55)

Jelasnya, nasihat dan peringatan perlu sentiasa dipraktikkan dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat kerana ianya merupakan sesuatu yang baik dan dianjurkan dalam al-Quran untuk diberikan penekanan oleh setiap umat manusia.

4.3.3 Pendekatan Melalui Latihan Yang Berterusan

Nasihat dan teladan tidak akan berkesan jika tidak disertai dengan latihan yang berterusan. Bertepatan dengan usia remaja yang berada dalam fasa pemikiran yang abstrak, maka latihan secara berusungguh-sungguh dan tekun serta

⁴⁵, Haarvey F. Clarizio.(1971), *Toward Positive Classroom Discipline*. New York : John Wiley & Sons Inc., h. 49

berterusan dalam aspek akhlak mermang sangat berkesan bagi membina peribadi mulia. Ini sejajar dengan konsep jihad dalam Islam.⁴⁶

Latihan juga perlu dilakukan sejak dari anak-anak kecil lagi. Pada waktu itu, mereka ibarat kain putih yang boleh dicorakkan dengan warna yang pelbagai oleh ibu bapa mereka. Justeru, ibu bapa memainkan peranan penting untuk menerapkan nilai-nilai dan akhlak yang baik terhadap anak-anak. Ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh al-Maududi dalam karyanya bahawa akhlak yang baik boleh dibentuk melalui latihan yang berterusan.⁴⁷

4.3.4 Pendekatan Melalui Galakan dan Ganjaran

Pendekatan ini sesuai dilakukan kerana ianya bertepatan dengan jiwa manusia yang sukakan pujian, kegembiraan dan sesuatu yang menyeronokkan. Galakan di sini bermaksud membina akhlak remaja dengan cara memujuk, memberi pujian dan penghargaan serta menceritakan ganjaran yang akan diperolehi jika berakhlek baik sama ada di dunia ataupun di akhirat.⁴⁸ Tetapi perlu diingat bahawa jika ganjaran kebendaan yang dijanjikan, maka ibu bapa atau pihak yang berjanji perlu mengotakkan ganjaran tersebut supaya anak-anak tidak berasa kecewa.

Justeru, ibu bapa dan guru perlu mengaplikasikan metod galakan ini dengan mempraktikkan unsur-unsur pujian, penghargaan, ganjaran pahala dan syurga dan sebagainya di atas perbuatan yang baik agar menjadi motivasi kepada remaja mengamalkan nilai-nilai baik berkenaan.

⁴⁶ Abd. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 269

⁴⁷ al-Maududi, *op.cit.* h. 28

⁴⁸ Abd. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h.267

4.3.5 : Pendekatan Melalui Hukuman

Menurut al-Qur'an, metod hanya wajar diaplikasikan sebagai alternatif terakhir setelah pendekatan-pendekatan seperti teladan yang baik, nasihat dan latihan serta galakan tidak mampu membina dan memperbaiki akhlak manusia. Ini digambarkan dalam al-Qur'an dalam surah an-Nisaa' : 34 :

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُنُوهُنَّ وَأَهْجِرُوهُنَّ فِي
الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْتُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا كَبِيرًا



Terjemahannya : Perempuan-perempuan yang kamu khuatir kedurhakaannya, maka hendaklah kamu beri nasihat dan tinggalkan mereka sendirian di tempat pembarangan dan kamu pukullah mereka (tetapi tidak dengan pukulan yang menyakiti badannya). Jika mereka taat kepadamu, janganlah kamu cari jalan untuk menganiaya mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Berdasarkan ayat di atas, pendekatan melalui hukuman perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dimulai dengan hukuman yang paling ringan seperti memarahi, memulau dan akhir sekali baru diadakan tindakan seperti memukul atau merotan ditempat-tempat tertentu dengan niat mengajar, bukan untuk mencederakan.

Kajian yang dilakukan oleh Ramanathan a/l Nagarathinam pada tahun 2000 - menunjukkan bahawa tindakan merotan dan menjatuhkan hukuman secara terburu-buru oleh pihak sekolah akan menyebabkan pelajar berasa benci kepada

guru dan pihak sekolah. Ini akan menambahkan lagi masalah disiplin yang sedia ada.⁴⁹

Kesimpulannya, pendekatan-pendekatan seperti yang dinyatakan di atas memang amat sesuai diaplikasikan oleh ibu bapa, guru dan masyarakat di sekitar gugusan FELDA ini khususnya. Ini kerana berdasarkan dapatan kajian, pendekatan-pendekatan di atas kurang diaplikasikan secara jelas selama ini. Teladan yang baik serta nasihat yang membina kurang ditunjukkan oleh ibu bapa dan guru terhadap anak-anak dan golongan remaja. Pengabaian pendekatan-pendekatan tersebut dilihat sebagai punca utama berlakunya masalah akhlak remaja. Oleh itu ibu bapa, guru-guru dan semua pihak perlu bersama-sama berubah dan mengaplikasikan metode dan pendekatan yang dianjurkan agar wujud pemurnian akhlak di kawasan ini.

⁴⁹ Ramanathan a/l Nagarathinam (2000), "Pengaruh Rakan Sebaya, Sekolah dan Keluarga dalam Masalah Disiplin Pelajar India : Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana Pendidikan U. M), h. 69